

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**TARIKH : 19.11.2015**

**SOALAN :**

---

Tuan Oscar Ling Chai Yew [ SibU ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pengiktirafan kelayakan UEC oleh UNIMAS yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Apakah syarat-syarat yang mengikut pengiktirafan UEC ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendirian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhubung sijil *Unified Examination Certificate* (UEC) adalah jelas dan tegas di mana KPM tidak bercadang untuk mengiktiraf lulusan UEC atas sebab seperti berikut:

1. UEC merupakan anugerah persijilan peperiksaan yang dikelolakan oleh *Malaysian Independent Chinese Secondary School* (MICSS) yang tidak akur kepada Akta Pendidikan 1996 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan;
2. Standard kurikulum UEC adalah tidak sama dengan kurikulum kebangsaan;

3. Piawai dan kawalan ke atas peperiksaan UEC adalah berlainan dengan piawai sistem peperiksaan kebangsaan; dan
4. KPM tidak mengawal taraf piawai ujian peperiksaan UEC.

Berdasarkan kepada peruntukan dan peraturan pendidikan yang berkuatkuasa di bawah Akta Pendidikan 1996, maka, KPM tidak berhasrat mengiktiraf sijil UEC memandangkan ianya bukanlah pensijilan peperiksaan yang dikendalikan oleh KPM dan sijil UEC tersebut juga tidak diiktiraf oleh kerajaan.

RJM48